



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 25 MAC 2025 (SELASA)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• SELANGOR SULTAN RECEIVES RM2.33MIL IN BUSINESS TITHE CONTRIBUTIONS
2.	SINAR HARIAN	• SULTAN SELANGOR TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN RM2.33 JUTA
3.	SELANGORKINI	• INSENTIF AIDILFITRI SEBULAN SETENGAH GAJI • SERTAI CADANGAN PROJEK DRT • KDEBWM SEDIA 524 TONG SISA PUKAL

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBSA	• TAJA PAKAIAN RAYA KANAK-KANAK • TAWARAN KURANGKAN KOMPAUN 80 PERATUS
8.	HARIAN METRO	MPKj	• MPKj MAHU LIH TONG DISALAH GUNA KE LOKASI LEBIH SESUAI
9.	THE STAR	DBKL	• HOMESTAY REGULATIONS NEEDED IN KL
10.	THE STAR	MBPJ	• PROPOSAL FOR ANOTHER NIGHT MARKET IN PJU1 UNDER CONSIDERATION

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• RAMADAN SEES DROP IN SOLID WASTE COLLECTION • 5113 PERMITS ISSUED FOR SALE OF FIRECRACKERS, FIREWORKS DURING RAYA • EXPOSING FOOD WASTE VIA SCRAP FASHION
2.	KOSMO	• PROFESOR UKM DIDAKWA KES RASUAH
3.	HARIAN METRO	• EKONOMI NEGARA DIUNJUR BERKEMBANG 5.5 PERATUS
4.	BERITA HARIAN	• PERANCANGAN BANDAR, SISTEM PENGANGKUTAN PERLU SEIRING • GUNA TEKNOLOGI, AI ATASI PEMBAZIRAN MAKANAN SEPANJANG RAMADAN
5.	UTUSAN MALAYSIA	• LINDUNGILAH NASIONALIS BAHASA MELAYU • BNM ISYTIHAR DIVIDEN RM5.25 BILION KEPADA KERAJAAN, UNTUNG RM13.16B • TRANSAKSI E-PEMBAYARAN CECAH RM698.1 BILION TAHUN LALU
7.	THE SUN	• TIMELY FINANCIAL AID BOOSTS AIDILFITRI PREPARATIONS FOR CIVIL SERVANTS • CALL TO MAKEUSE OF BODY CAMERAS STANDARD PRACTICE
8.	SINAR HARIAN	• KUTIPAN SISA DOMESTIK DI KL, PAHANG BERKURANG • PROFESOR MENGAKU TIDAK BERSALAH TUDUHAN TERIMA RASUAH RM5,071 • EKONOMI MALAYSIA DIUNJUR BERKEMBANG 4.5 HINGGA 5.5 PERATUS TAHUN INI

Selangor Sultan receives RM2.33mil in business tithe contributions



KLANG: The Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, graced a ceremony at Masjid Bandar Bukit Raja on Monday (March 24) to receive business tithe contributions totalling RM2.33mil from two companies - Bank Islam Malaysia Bhd (RM1.33mil) and Bawal Eksklusif (RM1mil).

His Royal Highness also accepted corporate cash waqf contributions of RM50,000 each from the Subang Jaya City Council (MBSJ) and the Klang Royal City Council (MBDK).

During the event, Sultan Sharafuddin officiated Masjid Bandar Bukit Raja, a mosque constructed at a cost of RM11.9mil.

The mosque, featuring an open and eco-friendly design, can accommodate up to 1,850 worshippers and has been in operation since April 4, 2022.

The Ruler, accompanied by Tengku Permaisuri of Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, and the Raja Muda of Selangor, Tengku Amir Shah, arrived at the mosque at 6.20pm.

They were welcomed by Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, and State Secretary Datuk Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin.

Sultan Sharafuddin also presented Hari Raya contributions totalling RM229,000 to 458 asnaf in the Klang district, comprising the poor, needy, and reverts, with each recipient receiving RM500.

In his speech, Klang district officer Amri Ismail shared that as of Feb 28, the Klang District and Land Office (PDT) had collected RM119.7mil in land premiums and permit fees, representing 41% of the state's target for the district.

He added that RM1.8mil has been allocated this year for various community programmes to assist eligible groups and entrepreneurs in increasing their income and eradicating poverty.

Amri also reported that the Selangor Maritime Gateway (SMG) project in Zone 6 (Kampung Sungai Kandis to Alam Impian) and Zone 8 (Kota Kemuning to Kampung Lombong) had reached 37.58% completion as of Jan 31.

The project is expected to be completed next year and aims to enhance the capacity, quality, and quantity of Sungai Klang's water as a sustainable water source.

The event concluded with Sultan Sharafuddin and the Royal family breaking fast and performing Maghrib, Isyak, and Tarawih prayers with the public before departing. - Bernama

THE STAR ONLINE
TARIKH: 25 MAC 2025

EDISI [Follow](#) > [Selangor KL](#) [Follow](#)

Sultan Selangor terima zakat perniagaan RM2.33 juta

24 Mac 2025 09:46pm
Masa membaca: 2 minit



Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan duit raya kepada asnaf, fakir, miskin dan muafak daerah Klang pada Majlis Berbuka Pusa Ihya Ramadan bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya serta Perasmian Masjid di Masjid Bandar Bukit Raja hari ini. Foto Bernama

KLANG - Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat perniagaan daripada dua syarikat berjumlah RM2.33 juta di Masjid Bandar Bukit Raja, di sini hari ini.

Syarikat tersebut ialah Bank Islam Malaysia Berhad dan Bawal Eksklusif yang masing-masing berjumlah RM1.33 juta dan RM1 juta.

Sultan Selangor juga berkenan menerima sumbangan wakaf tunai korporat masing-masing bernilai RM50,000 daripada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

Baginda turut berkenan merasmikan Masjid Bandar Bukit Raja yang terletak di atas tanah seluas 1.71 hektar dengan kos pembinaan sebanyak RM11.9 juta.

Menerapkan rekaan berkonsep terbuka dan mesra hijau, masjid yang mampu memuatkan sehingga 1,850 jemaah dalam satu-satu masa itu siap dibina pada 1 Disember 2021 dan beroperasi pada 4 April 2022.

Terdahulu, ketibaan Sultan Sharafuddin yang diiringi Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah pada jam 6.20 petang disambut Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin.

Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan hari raya dengan jumlah keseluruhan RM229,000 kepada 458 asnaf terdiri daripada kategori fakir, miskin dan muafak daerah Klang dengan setiap seorang menerima RM500.

Sementara itu, Pegawai Daerah Klang, Amri Ismail dalam sembah ucapannya memaklumkan sehingga 28 Februari lepas, jumlah kutipan premium tanah dan permit bagi Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang mencecah RM119.7 juta iaitu 41 peratus daripada jumlah kutipan yang disasarkan kerajaan negeri bagi daerah itu.

SINAR HARIAN ONLINE

TARIKH: 25 MAC 2025

Taja pakaian raya kanak-kanak

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyumbang pakaian kepada 50 individu dalam kalangan Orang Asli dan golongan kurang berkemampuan (B40) bagi menyambut Aidilfitri.

Pengarah Korporat dan Perhubungan Awamnya Mohd Azhar Mohd Sharif berkata peserta terdiri daripada kanak-kanak berusia tujuh 7 hingga 17 tahun menerima set pakaian bernilai RM200 pada 13 Mac.

"Program ini antara komitmen berterusan MBSA untuk memperkukuh hubungan antara masyarakat bandar dan komuniti luar bandar terutamanya komuniti Orang Asli dan golongan B40.

"Diharapkan sumbangan ini dapat mempromosi kesedaran tanggungjawab sosial dalam kalangan warga Shah Alam terutamanya masyarakat setempat untuk membantu orang yang memerlukan," katanya.

Sementara itu, inisiatif TakNakBazir x MySaveFood dilaksana Majlis Perbandaran Hulu Selangor berjaya menyelamatkan sebanyak 16.8 kilogram makanan dan minuman daripada dibazirkan.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan inisiatif tersebut juga dapat membantu golongan yang memerlukan.

Tawaran kurangkan kompaun 80 peratus

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menawarkan pengurangan kompaun terpilih sebanyak 80 peratus dan bayaran RM10 bagi kompaun tempat letak kereta.

Kempen tersebut hanya diadakan sepanjang Ramadan. Semakan dan bayaran boleh dibuat di kaunter berpusat Wisma MBSA, kaunter pandu lalu MBSA, pejabat cawangan MBSA atau aplikasi MyMBSA.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu, perkhidmatan sama turut ditawarkan di kaunter bergerak Shah Alam On Wheel pada setiap Sabtu bermula 11 pagi hingga 4 petang di lokasi berbeza.

Pelbagai perancangan membabitkan tambah baik infrastruktur awam dirancang sempena ulang tahun Jubli Perak bandaraya Shah Alam pada tahun ini.

Status Shah Alam dinaik taraf pada 10 Oktober 2000 dan menjadi bandar raya pertama di Selangor.

Insentif Aidilfitri sebulan setengah gaji

Petugas masjid, pemimpin masyarakat tidak dilupakan

18,000 nikmati insentif tambahan

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Penjawat awam negeri menerima tambahan setengah gaji melalui Insentif Rekod Hasil Negeri, menjadikan keseluruhan bantuan khas kewangan Aidilfitri sebulan setengah gaji.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu sumbangan tersebut disalurkan secara berperingkat mulai 25 Mac sebelum 15 April melibatkan kesan kewangan RM38.75 juta.

Katanya, insentif tambahan setengah bulan gaji kepada lebih 18,000 kakitangan itu berikutan pencapaian semasa prestasi kutipan hasil yang memberangsangkan iaitu hampir RM700 juta.

Berucap dalam program Mahabbah Ramadan Madani Bersama Penjawat Awam Selangor, beliau berkata kuti-

pan RM650 juta diperoleh pada Februari, menjadikan keseluruhan setakat ini RM691 juta.

"Ini menunjukkan kita di landasan betul. Sebab itu, saya umum beberapa insentif keseluruhan RM38.75 juta yang meliputi setengah bulan gaji atau minimum RM1,000," katanya pada 19 Mac.

Dalam sidang media, Amirudin menjelaskan peruntukan itu merangkumi pemberian RM250 kepada 50,000 kakitangan persekutuan berpendapatan RM3,000 ke bawah yang berkhidmat di Selangor.

Katanya, insentif setengah bulan elaun atau minimum RM500 pula dinikmati pemimpin masyarakat, pegawai perhubungan kampung, ketua komuniti India, kampung bagan, penyelia Wanita Berdaya Selangor dan Penggerak Belia Selangor.

"Petugas masjid antaranya nazir,

imam, siak dan bilal pula akan menerima RM500 sumbangan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI," kata beliau lagi.

Sebelum ini, Amirudin dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2025 mengumumkan pemberian BKK 2024 sebanyak dua bulan gaji kepada semua penjawat awam yang dibayar secara berperingkat.

BKK pertama dibayar pada 30 Disember seterusnya 25 Mac sempena sambutan Aidilfitri.

Amirudin juga memberitahu kutipan hasil negeri RM2.8 bilion pada tahun lalu adalah kali keempat berturut-turut melangkaui sasaran awal.

Beliau juga menyatakan rizab negeri juga meningkat kepada RM4.5 bilion setakat Februari, berbanding RM3.8 juta yang dicatat dalam tempoh sama pada tahun lalu.

Selangor pelawa syarikat berkelayakan

Sertai cadangan projek DRT

SHAH ALAM - Syarikat yang berkelayakan menyertai proses permintaan untuk cadangan (RFP) bagi Projek Transit Responsif Atas Permintaan (DRT) dibuka mulai 12 Mac hingga 7 April depan.

Menurut kenyataan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, tarikh tutup penghantaran RFP sebelum 12 tengah hari pada 7 April. Maklumat lanjut, ikuti laman www.mbiselangor.com

Kata MBI, perkhidmatan DRT dijangka mengalami sedikit gangguan berikutan insentif kepada operator sedia ada dihenti hingga pelantikan rasmi sebelum pelaksanaan penuh pada Mei.

"Pengguna dinasihati menyamak sebarang perubahan atau gangguan perkhidmatan melalui aplikasi perkhidmatan DRT sedia ada bagi mengurus rancangan perjalanan mereka," kata kenyataan lagi.

MBI menjangka perkhidmatan DRT mengalami sedikit gangguan berikutan insentif kepada operator sedia ada dihenti hingga pelantikan operator rasmi dibuat dalam tempoh pelaksanaan RFP.

"Pengguna dinasihati menyamak sebarang perubahan atau gangguan perkhidmatan melalui aplikasi perkhidmatan DRT sedia ada bagi mengurus rancangan perjalanan mereka," menurut MBI lagi.

Pelaksanaan penuh DRT dijangka bermula Mei 2025. Sebelum ini, projek rintis dibuat meliputi lapan zon beberapa pihak berkuasa tempatan dari 21 November 2023 hingga 31 Julai 2024.

"Perkhidmatan DRT mencatatkan jumlah penggunaan seramai 73,389 orang, sekali gus mencapai sasaran utama dalam meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap perkhidmatan ini.

"Projek ini dijangka dapat memenuhi permintaan penduduk dan pelawat di Selangor dalam merealisasikan perjalanan yang lebih cekap dan fleksibel pada harga berpatutan," kata MBI.

DRT merujuk sistem pengangkutan yang menyesuaikan laluan dan jadual berdasarkan permintaan penumpang selain menyediakan pilihan pengangkutan lebih fleksibel dan cekap.

Pada 2023, Kerajaan Selangor bercadang memperkenalkan sistem DRT bagi menggantikan kemudahan Bas Smart Selangor di kawasan berkepadatan tinggi dan laluan sempit pada masa akan datang.

Menurut EXCO Mobiliti Ng Sze Han, sistem DRT memberi keutamaan kepada pengangkutan penumpang bagi meningkatkan penggunaan kemudahan awam utama seperti rel dan bas.



KDEBWM sedia 524 tong sisa pukal

SHAH ALAM - KDEB Waste Management menyediakan 524 tong sampah pukal (roro) bagi kutipan sisa pepejal sempena Aidilfitri, tahun ini.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkata jumlah tersebut mungkin akan bertambah bergantung kepada permintaan.

"Orang ramai yang memerlukan perkhidmatan ini boleh memohon menerusi aplikasi i-Clean atau melalui pihak berkuasa tempatan berhampiran kawasan masing-masing.

"Tahun lepas kita banyak menerima

permohonan di sekitar Shah Alam dan Subang Jaya, saya nasihatkan jangan daftar pada saat akhir kerana permintaan setiap tahun sangat tinggi," katanya pada 18 Mac.

Dalam pada itu, Ramli berkata kutipan sampah domestik sempena perayaan juga diawalkan pada jam 10 malam, sehari sebelum Aidilfitri.

Bagaimanapun waktu kutipan tersebut tertakluk pada malam hari



raya pertama dan kedua sahaja termasuk kepadatan tempat.

"Sempena musim perayaan ini, sisa domestik akan menjadi tiga kali ganda berbanding hari biasa. Penduduk dinasihat untuk mengasingkan sampah kering dan basah.

"Sekiranya penduduk mengasingkan sampah ia memudahkan petugas dan kerja di lapangan menjadi lebih cepat," katanya.

Proposal for another night market in PJU1 under consideration

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

A PROPOSAL for a second night market in the PJU1 area of Petaling Jaya, Selangor, is not completely off the table.

During the tabling of minutes for the business control and entrepreneur development committee meeting, Petaling Jaya City Council (MBPJ) Zone 7 councillor John Leong clarified that the night market idea was being reconsidered and had not been completely rejected.

"The council's regulation states that no new night markets can be established if there is an existing one in the area.

"But I believe the city council may be agreeable to the proposal if the existing market is relocated and expanded, in a more suitable location," he said.

Leong explained that the existing night market held every Wednesday in Jalan PJU1/5,



The city council is continuing to monitor Ramadan bazaars in Petaling Jaya. — Filepic

Kampung Chempaka, offered a total of 80 lots but had not been fully taken up.

"The proposal is for the night market to be relocated to Jalan PJU1/3F and Jalan PJU1/3B in

SunwayMas, which can accommodate more traders, and for it to be held on a Saturday."

Leong said the proposed location had sufficient parking space for visitors, and having it on a weekend would make it economically viable.

Separately, 940 offences were recorded by MBPJ at Ramadan bazaars under its purview, most of which were for matters related to hygiene and licensing.

"Common offences included not wearing aprons, caps or proper footwear (218 cases) and not preparing proper rubbish bins (205).

"Some traders also failed to display their business licences (22)," said Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon after chairing MBPJ's full board meeting at its headquarters.

MBPJ Licensing Department director Sharinaz Samsudin said other offences included not properly registering details of

stall assistants (176), not having valid TY2 typhoid vaccination certifications (165), hiring foreign workers as stall assistants (72) and not trading at the correctly assigned spot (59).

"As of March 23, the council issued a total of 584 notices, compounds and seizures at various Ramadan bazaar locations under the MBPJ Traders Bylaw 2007," said Sharinaz.

Mohamad Zahri said, "To date, we have not received any report about stalls being sublet to foreigners.

"If we do receive such a report, I will personally check on the complaint."

He added that MBPJ had nearly 100 personnel stationed at its Ramadan bazaars for monitoring purposes.

MBPJ offered 1,260 trading lots across 18 Ramadan bazaar locations this year.

A total of 1,108 lots or 88% were taken up.

THE STAR

25 MAR 2025

Tarikh:.....

Ramadan sees drop in solid waste collection

KUALA LUMPUR: Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) has recorded a reduction in domestic solid waste collection over the first 20 days of Ramadan this year compared to the same period last year.

Alam Flora chief executive officer Shariman Yusuf Mohamed Zain said the amount of waste collected in Kuala Lumpur dropped by nearly 23% to 29,300 tonnes this year, compared to 38,000 tonnes in 2024.

He said waste collection in Pahang decreased by 6.43% to 13,100 tonnes com-

pared to 14,000 tonnes last year while it remained the same in Putrajaya at 2,000 tonnes.

"The decrease in domestic waste volume in Kuala Lumpur is largely attributed to the reduced number of Ramadan bazaars, from 112 locations in 2024 to just 66 this year.

"This has a direct impact on the amount of waste generated, as the number of visitors and business activities at the bazaars have also decreased, leading to lower waste production," he said in a state-

ment yesterday, Bernama reported. ^{25/3} Shar

He assured that waste collection and public cleaning services in Kuala Lumpur, Kuantan and Putrajaya will continue as usual throughout the Hari Raya Aidilfitri celebration next week.

Shariman added that cooperation from all parties in separating food waste and recyclable materials according to the guidelines of the waste separation-at-source programme is crucial in maintaining cleanliness in their respective areas.

THE STAR

25 MAR 2025

Tarikh:.....

Homestay regulations needed in KL

Tmn Seputeh residents upset home in their midst is now event space

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

SEVERAL residents in Taman Seputeh, Kuala Lumpur, are having sleepless nights ever since a landed property in their neighbourhood was turned into a homestay and event space.

Resident CK Hong said the occupants would often hold weddings and parties until well past midnight.

He said the residents had complained to the authorities about loud noise from that house and the occupants would get a stern warning from the authorities.

"However, when another group comes into the homestay, the same problem happens again.

"They even have crews filming

outside and the noise from the generator is very loud," Hong said during a press conference about the house that has been running as rental property for two years.

He said as many as six crews had rented the property to carry out filming.

"The most recent one was a few days ago and they took about a week to film.

"When I asked whether they had a permit to film, they said that they did but could not show proof.

"The worst experience was in July last year when a film crew blocked the entrance to my house," Hong said.

He added that such events had led to an influx of outsiders and even food trucks.



Leong says she will bring the matter up with the KL mayor.

Taman Seputeh Residents Association chairman Dr Balaeswaran Poobalasingam said he had written to Kuala Lumpur City Hall (DBKL) but nothing had been done.

"Under section 18(1) Town and Country Planning Act 1976, land

Taman Seputeh residents say homestays should not be allowed in the residential area.

use must be according to the local government's approved plans," he said.

"In this case, the house is categorised as 'residential' under the gazetted Kuala Lumpur City Plan 2020 (KLCP2020) which is also being used in the draft KLCP2040."

DBKL in a letter addressed to Dr Balaeswaran on Sept 6 stated that as of now, licence applications for any short-term accommodation other than hotel activities had not been implemented.

Kuala Lumpur Advisory Board member Carmen Leong, who was present at the press conference, said a check discovered that the most recent filming

activity was for Jalan Taman Seputeh, but no permit was given for neighbourhood roads.

"The permit was also from 8am to 11.59am and not for the whole week.

"I urge DBKL to be more vigilant when giving out filming permits," she said.

Leong said there were currently no policies on homestays in residential areas, and that she would bring up the matter with mayor Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif.

Also present were personnel from DBKL's Licensing and Business Development Department as well as Urban Transport Department.

THE STAR

25 MAR 2025

Tarikh:.....

5,113 permits issued for sale of firecrackers, fireworks during Raya

THE police have issued 5,113 permits for the sale of fireworks and firecrackers in conjunction with the upcoming Hari Raya Aidilfitri celebration.

Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Husain said 7,223 applications were received from March 1 to 11.

A total of 264 applications were not approved and 1,846 applications are still in the processing stage.

"During the same period, the

police also made 31 arrests and seized fireworks and firecrackers under Section 8 of Explosives Act 1957, which provides imprisonment for up to seven years or a fine of RM10,000, or both, if convicted," he said to Bernama.

Razarudin warned successful applicants not to violate the permit conditions as the permission to sell would be revoked.

Errant traders also faced strict action such as arrest and seizure

of their goods under Section 8, he said.

Razarudin also reminded the public not to engage in the sale or use of explosives without a permit, to ensure public safety and order, especially during the festive season.

Sales of firecrackers and fireworks are allowed with police approval during festive periods. — Filepic



THE STAR

25 MAR 2025

Tarikh:.....

Exposing food waste via scrap fashion

IN A bid to spark conversation on food wastage, anti-food waste initiative MYSaveFood launched a bold campaign this Ramadan – #BazirRamadan – a striking fashion stunt featuring outfits made entirely from unsold and discarded food from Ramadan bazaars.

The campaign's name plays on the similarity between the words *bazar* (bazaar) and *bazir* (waste) in Bahasa Malaysia, drawing attention to the volume of food thrown out during the fasting month.

In a press statement, MYSaveFood said that in 2024, more than 60,000kg of food was wasted across 147 Ramadan bazaars – enough to feed 120,000 people.

To highlight this issue, MYSaveFood took a satirical and eye-catching approach and debuted a tongue-in-cheek Hari Raya collection made of food waste which was paraded on a red carpet at the Pantai Dalam

Ramadan bazaar in Kuala Lumpur.

The group of volunteers were dressed in outfits creatively assembled using *nasi lemak* wrappers, leftover vegetables, and plastic food containers.

"Food waste during Ramadan has always been a long-standing issue.

"People know about it, but not many have done anything meaningful to stop it," said MYSaveFood deputy director Ainul A'syara Kamal.

"That's why we took a bold approach with this stunt to bring attention to the issue and make it visible in an unexpected way," she said.

Ainul said MYSaveFood had worked with Ramadan bazaar vendors for the past nine years, rescuing unsold food before it went to waste.

"As of March 16, the group had salvaged 46,208kg of food from 108 bazaars nationwide – equivalent to RM599,100 in



Volunteers walking the "runway" at the Pantai Dalam Ramadan Bazaar, Kuala Lumpur, in specially designed outfits made out of discarded food waste as a stand against food wastage. — Courtesy photo

value," she added.

The rescued meals were distributed to the less fortunate through volunteers.

MYSaveFood is still actively recruiting volunteers via the #BazirRamadan initiative to help distribute surplus meals

collected from Ramadan bazaars to the less fortunate. For more information, visit www.bazirramadan.com

THE STAR

25 MAR 2025

ikh:.....

Kutipan sisa domestik ^{SH 25/3} di KL, Pahang berkurang

PETALING JAYA – Alam Flora Sdn. Bhd. anak syarikat Malakoff Corporation Bhd. mencatatkan penurunan kutipan sisa domestik sebanyak 22.89 peratus di Kuala Lumpur pada hari ke-20 Ramadan tahun ini berbanding tahun lalu.

Penurunan itu turut dicatatkan di Pahang iaitu sebanyak 6.43 peratus, manakala Putrajaya kekal dengan tiada perubahan.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain berkata, trend positif itu mencerminkan peningkatan kesedaran orang ramai dan amalan pengurusan sisa yang lebih bertanggungjawab dan lestari sepanjang bulan Ramadan.

"Kita mengutip 29,300 tan

metrik sisa domestik di sekitar Kuala Lumpur pada tahun ini berbanding 38,000 metrik tan pada lalu.

"Di Pahang, 13,100 metrik tan pada tahun 2025 berbanding 14,000 metrik tan pada 2024. Putrajaya pula mencatatkan jumlah yang sama sebanyak 2,000 metrik tan pada kedua-dua tahun tersebut," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Shariman Yusuf berkata, penurunan kutipan sisa domestik, terutamanya di Kuala Lumpur, disebabkan oleh pengurangan jumlah bazar Ramadan tahun ini.

Jelasnya, jumlah lokasi bazar Ramadan di Kuala Lumpur telah dikurangkan daripada 112 lokasi pada 2024 kepada 66 lokasi pada 2025.



SEORANG pekerja Alam Flora melakukan kerja-kerja pembersihan di ibu negara. – IHSAN ALAM FLORA

SINAR HARIAN

25 MAR 2025

Tarikh:

Profesor mengaku tidak bersalah tuduhan terima rasuah RM5,071

SK 25/3

SHAH ALAM - Seorang profesor sebuah universiti awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, pada Isnin atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM5,071, dua tahun lepas.

Ahmad Rifqi Md Zain, 48, didakwa menggunakan kedudukannya sebagai pengetua sebuah kolej kediaman dalam universiti itu untuk menerima suapan sebanyak RM2,000 dan RM3,071 masing-masing pada 24 Mei dan 2 Jun 2023.

Dia didakwa menerima rasuah sebagai upah bagi membantu sebuah syarikat mendapatkan kerja membekal dan menghantar pakaian kemeja-T berkolar, lanyard, mafela dan ziplock

beg bagi keperluan pelajar sesi 2023-2024 kolej kediaman itu.

Prosiding kes itu diendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Aliff Shahrizan dan Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Faizi Che Abu dan Yusfarizal Yussoff.

Terdahulu, Mohd Aliff menawarkan jaminan RM15,000. Bagaimanapun, Mohd Faizi memohon mahkamah mempertimbangkan jaminan RM5,000.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dan menetapkan 13 Mei depan untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh: 25 MAR 2025

Ekonomi Malaysia diunjur berkembang 4.5 hingga 5.5 peratus tahun ini

SH
25/3

KUALA LUMPUR - Ekonomi Malaysia diunjur berkembang 4.5 hingga 5.5 peratus pada 2025 didorong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh dan landskap pelaburan mantap dengan eksport dijangka sederhana dalam keadaan ketidakpastian luaran, kata Bank Negara Malaysia (BNM).

Bagaimanapun, prospek pertumbuhan dalam negeri tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan berpunca terutamanya daripada ketidakpastian luaran yang ketara, menurut BNM dalam laporan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024 yang dikeluarkan pada Isnin.

"Perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi akan didorong oleh per-



Perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi didorong oleh pertumbuhan guna tenaga dan pendapatan yang lebih pantas. - Gambar hiasan

tumbuhan guna tenaga dan pendapatan yang lebih pantas berserta sokongan dasar," katanya.

Tahun lepas, ekonomi negara berkembang kukuh sebanyak 5.1 peratus berbanding 3.6 peratus pada 2023.

BNM berkata, pada 2025, peningkatan selanjutnya dalam keadaan pasaran pekerja dan langkah-langkah dasar kerajaan berkaitan dengan pendapatan akan memberikan sokongan kepada perbelanjaan isi rumah. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh: 25 MAR 2025

Profesor UKM didakwa kes rasuah

- Tertuduh mengaku tidak bersalah
- Upah RM5,000 bantu syarikat bekal barangan pelajar

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Seorang profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan rasuah berjumlah RM5,071 bagi pembekalan barangan pelajar dua tahun lalu.

Tertuduh, Ahmad Rifqi Md. Zain, 48, yang juga pengarah sebuah institut di UKM membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datuk Mohd. Nasir Nordin.

Ahmad Rifqi sebagai pengetua kolej kediaman didakwa memperoleh suapan tunai RM5,071 daripada seorang lelaki berusia 35 tahun dengan wang dimasukkan dalam akaun bank tertuduh.

Ia sebagai upah bagi membantu sebuah syarikat mendapatkan kerja-kerja membekal



AHMAD RIFQI

dan menghantar baju-T berkolar, lanyard, mafela dan beg bagi keperluan pelajar kolej untuk sesi 2023/2024.

Kesalahan itu dilakukan di Wisma UNIKEB, Bangi pada 24 Mei dan 2 Jun 2023.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM).

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muaz Ahmad Khairudin dan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd. Aliff Shahrizaman mencadangkan jaminan sebanyak RM15,000 berserta syarat perlu melapor diri setiap bulan, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Peguam Mohd. Faizi Che Abu dan Yusfarizal Yusoff pula merayu jaminan RM5,000 kerana anak guamnya berpendapatan RM7,000 dan perlu menyara enam anak yang masih belajar termasuk di institusi pengajian tinggi.

"Wang yang dikatakan diterima itu adalah untuk membeli sofa pejabat kolej yang sudah dibuat permohonan penerimaan asetnya. Mohon jumlah jaminan munabahash di ambang perayaan," kata peguam itu.

Mahkamah menetapkan ikat jamin sebanyak RM10,000 berserta syarat tambahan yang dipohon pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 13 Mei ini.

KOSMO

Tarikh: 25 MAR 2025

BEKAS KITAR SEMULA JADI TAPAK PEMBUANGAN

HM 25/3

MPKj mahu alih tong disalah guna ke lokasi lebih sesuai

Kajang: Bukan hanya sampah biasa, sebaliknya Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pernah mengesan sejumlah pakaian terpakai diletakkan di luar kabin kitar semula berhampiran Pangsapuri Vista Seri Putra, Bandar Seri Putra, di sini yang mengundang kekotoran dan menjadikan kawasan berselerak.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan Harian Metro, MPKj berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu dikesan dilakukan peniaga pakaian terpakai yang mahu melupuskan barangan yang gagal dijual.

Katanya, susulan kejadian tindakan tegas diambil terhadap pesalah dan sejak itu, pemantauan lebih kerap di-

laksana untuk memastikan kawasan lebih bersih dan selesa kepada penduduk.

"Pihak MPKj juga akan mengalihkan tong kitar semula itu ke lokasi yang lebih sesuai sekiranya tindakan penguatkuasaan tidak dapat menyelesaikan masalah terbabit," katanya.

MPKj berkata, kabin berkenaan dikendalikan oleh

Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Melalui Kitar Semula Kuala Lumpur dan Selangor (CRC) bagi menyemai semangat cinta alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

"Ia juga selaras dengan usaha MPKj bagi mengurangkan kapasiti sampah yang dibuang ke tapak pelupusan serta meman-

jangkan tempoh penggunaan tapak pelupusan demi memastikan kelestarian alam sekitar.

"Lokasi itu pula dipilih memandangkan ia berhampiran taman permainan dan premis perniagaan, selain berlandaskan latar belakang tahap pendidikan penduduk di kawasan sekitar yang majoriti

individu berpendidikan tinggi," katanya.

Menurut pihak berkuasa itu, CRC diberi tanggungjawab menguruskan kabin kitar semula di pangsapuri itu berdasarkan prestasi menyelenggara kemudahan sama di 38 lokasi lain secara efisien sejak bekerjasama dengan MPKj pada 2016.

HARIAN METRO

Tarikh: 25. MAR 2025.....

Ekonomi negara diunjur berkembang 5.5 peratus

Kuala Lumpur: Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada 2025 disokong faktor domestik yang dilihat positif meskipun berdepan persekitaran global yang mencabar.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour berkata persekitaran luaran dijangka semakin mencabar pada tahun ini berikutan kebangkitan semula tindakan perlindungan, di samping konflik geopolitik yang berlarutan, sekali gus menimbulkan cabaran terhadap Malaysia sebagai ekonomi yang kecil dan terbuka.

Katanya, penguatan permintaan di peringkat global khususnya akan bergantung pada perkembangan dalam sekatan perdagangan dan langkah tindakan balas yang dikenakan oleh negara ekonomi

utama.

Menurutnya, risiko terhadap pertumbuhan mungkin timbul daripada hubungan perdagangan tegang yang menjejaskan momentum perdagangan global dan perkembangan geopolitik yang berpotensi menjejaskan rantai bekalan serta meningkatkan volatiliti pasaran kewangan.

"Sebagai ekonomi yang kecil dan terbuka, kita tidak akan terkecuali daripada terkesan. Bagaimanapun, terdapat beberapa faktor bagi kita untuk agak optimistik mengenai prospek dalam negeri.

"Sumber pertumbuhan dalam negeri, digabungkan dengan struktur eksport yang pelbagai, akan membantu ekonomi menghadapi cabaran pada 2025," katanya dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024 yang dikeluarkan BNM semalam.

BH
25/3

Perancangan bandar, sistem pengangkutan perlu seiring

● Kekurangan akses kepada sistem pengangkutan awam yang efisien menyebabkan ramai penduduk memilih menggunakan kenderaan sendiri, seterusnya menyumbang kesesakan lalu lintas

● Semakin ramai menggunakan kenderaan persendirian akhirnya menyebabkan kesesakan lalu lintas bertambah teruk, terutama pada waktu puncak pagi dan petang sehingga ke malam



Pensyarah Kanan di Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya (UM)

Oleh Dr Yong Adilah Shamsul Harumain
bhrencana@bh.com.my

Setiap pagi, penulis bersama ribuan pemandu dari kawasan pinggir dan luar bandar Kuala Lumpur menghadapi situasi sama - perjalanan panjang dan memenatkan akibat kesesakan jalan raya menuju ke ibu kota.

Keinginan untuk memiliki rumah mampu milik, menikmati udara lebih bersih dan menjalani kehidupan lebih tenang mendorong ramai menetap di pinggir bandar. Namun, impian ini sering kali bertembung dengan realiti perjalanan harian melelahkan.

Kehidupan di luar bandar semanginya menawarkan banyak kelebihan, seperti kos sara hidup lebih

rendah, ruang kediaman lebih luas dan persekitaran lebih sihat.

Namun, cabaran terbesar bagi mereka yang tinggal kawasan memiliki pelbagai 'lebih' ini adalah perjalanan harian memerlukan ke pusat bandar akibat kesesakan lalu lintas.

Maka di sini timbul satu persoalan - patutkah perancangan pengangkutan mendahului perancangan bandar atau sebaliknya. Kita sering membandingkan situasi ini dengan dilema 'ayam dan telur', mana satu harus datang dahulu.

Secara ideal, perancangan bandar dan pengangkutan perlu berjalan seiring. Namun, realitinya, pengangkutan sering dianggap sebagai keutamaan kedua selepas pembangunan perumahan.

Akibatnya, infrastruktur pengangkutan tidak berkembang seiring dengan pertumbuhan kawasan pinggir bandar. Kekurangan akses kepada sistem pengangkutan awam yang efisien menyebabkan ramai penduduk memilih menggunakan kenderaan sendiri, seterusnya menyumbang kesesakan lalu lintas.

Bagi mereka yang ingin menggunakan pengangkutan awam, pilihan seperti tren komuter sering kali terhad dari segi jadual perjalanan.

Selain itu, tidak semua kawasan perumahan di pinggir bandar terletak berhampiran stesen komuter atau Transit Aliran Massa (MRT).

Pekerja hendak ke pusat bandar raya perlu memandu, menaiki bas atau menggunakan perkhidmatan e-hailing untuk ke stesen terdekat, menyebabkan kos tambahan seperti bayaran tempat kenderaan, tambang e-hailing dan kos bahan api.

Walaupun usaha untuk memperluaskan rangkaian pengangkutan awam di luar Kuala Lumpur giat dijalankan, masih banyak kawasan kurang mendapat akses mudah kepada perkhidmatan ini.

Antara cabaran utama yang dihadapi termasuk:

● Jadual perjalanan tidak menentu menyebabkan pengguna sukar merancang perjalanan kerana kekurangan kekerapan tren dan bas.

● Jarak stesen jauh dari kawasan perumahan, maka penduduk masih perlu bergantung kepada kenderaan sendiri untuk ke stesen.

● Ketiadaan sistem *first-mile* dan *last-mile* iaitu tiada pengangkutan sesuai menyambungkan rumah ke stesen dan dari stesen ke tempat kerja.

Sukar hanya bergantung pengangkutan awam

Situasi ini menjadi lebih sukar bagi keluarga mempunyai anak kecil. Mereka masih perlu menghantar anak ke sekolah atau tadika sebelum ke tempat kerja, sesuatu yang sukar dilakukan jika hanya bergantung pada pengangkutan awam.

Oleh itu, semakin ramai menggunakan kenderaan persendirian akhirnya menyebabkan kesesakan lalu lintas bertambah teruk, terutama pada waktu puncak pagi dan petang sehingga malam.

Setiap hari, boleh disaksikan jalan utama menghubungkan kawasan pinggir bandar ke Kuala Lumpur dipenuhi ribuan kenderaan dan pemandu pula terkejar-kejar ke tempat kerja.

Walaupun pergerakan di dalam pusat bandar banyak diperbaiki dengan adanya MRT dan Transit Aliran Ringan (LRT), isu pergerakan dari kawasan pinggir bandar ke pusat bandar sebenarnya masih belum dapat diselesaikan.

Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan tekanan dalam perjalanan, tetapi memberi kesan kepada ke-

sejahteraan mental dan fizikal masyarakat.

Keletihan, kebimbangan dan tekanan akibat kesesakan lalu lintas boleh mengurangkan produktiviti serta menjejaskan kualiti hidup secara keseluruhan.

Inilah sebabnya mengapa perancangan bandar dan pengangkutan harus dirancang secara serentak. Kita perlu bertanya apakah erti sebuah kehidupan berkualiti sebenar dari dua sudut ini.

Jika kita hanya menitikberatkan perumahan lebih besar dan persekitaran tenang tetapi mengabaikan cabaran perjalanan harian, kita akan terus terperangkap dalam kitaran sama.

Kualiti hidup tidak seharusnya diukur hanya berdasarkan saiz rumah atau kos sara hidup rendah, tetapi pada kemudahan menjalani kehidupan tanpa tekanan harian membebankan.

Justeru, kita perlu melihat ke adakah mahu terus berada dalam dilema ini atau bersedia merancang bandar dengan lebih bijak.

Perancangan yang lebih baik harus dilakukan bagi memastikan pengangkutan awam cekap dan mudah diakses, supaya penduduk pinggir bandar tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya pada kenderaan persendirian.

Akhirnya, pilihan ada di tangan kita. Adakah kita ingin terus tersekat dalam kesesakan atau bergerak ke arah kehidupan yang benar-benar berkualiti?

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Guna teknologi, AI atasi pembaziran makanan sepanjang Ramadan

- Bazar Ramadan turut menyumbang kepada peningkatan sisa makanan akibat lebihan juadah tidak terjual. Lebihan ini boleh diuruskan lebih sistematik dengan memanfaatkan aplikasi digital

- Penggunaan AI juga boleh dimanfaatkan untuk meneliti data penggunaan makanan harian. Contohnya dengan meletakkan pengesan kamera di tong sampah yang dapat menganalisis jenis sisa makanan



Oleh Dr Norshah Aizat Shuaib
bhrencana@bh.com.my

Di sebalik galakan umat Islam supaya bersederhana, isu pembaziran makanan masih sukar dielakkan semasa Ramadan. Saban tahun, sisa makanan sepanjang bulan ini lebih tinggi berbanding bulan lain.

Pada 2023, sisa makanan pada Ramadan mencecah hampir 90,000 tan, iaitu sekitar 35 peratus daripada keseluruhan sisa pepejal.

Peningkatan ini disebabkan lebihan makanan semasa waktu terbuka dan sahur. Majlis berbuka puasa dalam skala besar dan bazar Ramadan turut membawa kepada penghasilan sisa makanan. Pembaziran boleh berlaku di semua peringkat, sama ada oleh penyedia atau pengguna.

Sebahagian masyarakat tidak mengetahui kesannya pembuangan sisa makanan terhadap alam. Ini berkemungkinan sisa makanan bersifat organik dan boleh diuraikan, berbeza dengan sisa plastik.

Sisa makanan turut meninggalkan jejak karbon, contohnya melalui proses digunakan ketika penghasilan. Pembuangan di tapak pelupusan sampah akan membawa kepada pelepasan gas rumah hijau, iaitu gas metana. Pembaziran makanan secara umumnya turut memberi ancaman kepada keselamatan makanan global.

Usaha sedia ada melalui kesedaran masyarakat berdasarkan hierarki pengurusan sisa tidak mencukupi. Kaedah alternatif perlu diambil bagi menangani isu pembaziran ini. Antaranya, memanfaatkan kemajuan teknologi dalam menggunakan semula sisa, membuat perancangan serta analisis berkaitan.

Dalam aspek penyediaan makanan, peranan betul dapat mengelakkan pengeluaran rugi akibat penggunaan sumber tidak optimum. Melalui teknologi kecerdasan buatan (AI), analisis sumber untuk pengoptimuman dapat dilakukan berdasarkan data sedia ada, contohnya kuantiti bahan masakan. Analisis seumpama ini membolehkan keputusan dibuat dengan lebih tepat seterusnya mengelakkan pembaziran.

Teknologi lain seperti kawalan suhu semasa penyediaan makanan juga dapat mengelakkan makanan daripada cepat rosak. Teknologi pembungkusan, contohnya dengan memasukkan agen mikrobiologi atau antioksidan tertentu yang dapat memanjangkan tempoh hayat serta mengekalkan kualiti makanan agar boleh digunakan dalam tempoh lebih lama.

Tong sampah pintar membolehkan kandungan sisa makanan dianalisis untuk digunakan dapur komersial bagi mendapatkan data jenis sisa makanan. Data seumpama ini membolehkan analisis dan jangkaan dibuat bagi membantu dalam membuat keputusan.

Pengurusan inventori berdasarkan ramalan ini dijangka dapat membantu pengeluaran untuk lebih berhemah dalam penggunaan sumber, terutama bahan masakan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia,

jumlah gerai bazar Ramadan pada 2023 sekitar 77,727 berbanding cuma 61,623 pada tahun sebelumnya, menunjukkan peningkatan 26.1 peratus.

Bazar Ramadan turut menyumbang kepada peningkatan sisa makanan akibat lebihan juadah tidak terjual. Lebihan ini boleh diuruskan lebih sistematik dengan memanfaatkan aplikasi digital.

Manfaat platform dalam talian

Penggunaan aplikasi digital untuk perkongsian membolehkan makanan berlebihan dijual atau disalurkan untuk tujuan kebajikan. Misalnya, inisiatif No Food Waste di India memanfaatkan platform dalam talian bagi menghimpunkan lebihan makanan daripada majlis untuk disalurkan kepada pihak memerlukan.

Aplikasi Olio pula menghubungkan individu dalam komuniti dengan premis perniagaan berhampiran untuk berkongsi maklumat berkenaan makanan mudah rosak seperti sayur dan roti.

Dengan adanya aplikasi sebegini, maklumat mengenai makanan hampir rosak akan mudah dikongsikan dan mereka memerlukan boleh mendapatkannya dengan harga murah untuk kegunaan segera. Amalan berkongsi dan bertukar makanan dalam komuniti juga boleh dimanfaatkan.

Teknologi kompos turut boleh digunakan bagi menguralkan sisa makanan kepada baja organik. Sisa makanan akan dicampur dengan sekam padi dan habuk kayu, lalu dibiarkan beberapa hari

untuk dijadikan baja organik.

Inisiatif seumpama ini pernah dilakukan oleh sebuah bazar Ramadan di Kuantan, yang mesin kompos diletakkan berhampiran tapak jualan bagi memudahkan peniaga untuk melupuskan baki juadah tidak terjual. Usaha baik ini perlu diperluas ke lebih banyak bazar dan medan makan di seluruh negara.

Usaha sama juga boleh dilaksanakan di rumah melalui teknik kompos Takakura. Teknik ini boleh dilaksanakan dengan murah dalam skala kecil. Kaedah ini menggunakan bahan mudah didapati untuk larutan penapaian, contohnya tempe dan ibu roti. Bahan ini akan digaul bersama medium pengurai contohnya tanah dan daun kering bagi menghasilkan baja organik.

Penghasilan baja organik sendiri akan dapat menjimatkan kos pembelian baja untuk tanaman. Rumah kompos dalam sesebuah komuniti juga dapat menggalakkan usaha kejiranan dalam bersama-sama menangani isu sisa makanan.

Penggunaan AI juga boleh dimanfaatkan untuk meneliti data penggunaan makanan harian. Contohnya dengan meletakkan pengesan kamera di tong sampah yang dapat menganalisis jenis sisa makanan.

Data sebegini dapat memaparkan pola penggunaan seterusnya mencadangkan pembelian bersesuaian untuk mengelakkan sebarang pembaziran. Bagi kos lebih murah, aplikasi inventori makanan dalam telefon membolehkan pengguna untuk merekod jenis makanan, tarikh luput dan jumlah sisa setiap hari. Aplikasi ini akan membuat analisis bagi membantu pengguna membuat keputusan berkaitan penggunaan makanan.

Selain kita meneruskan usaha pengurangan sisa seperti sedia ada, strategi baharu melalui penggunaan teknologi harus digiatkan bagi menangani masalah sisa makanan yang kerap membelenggu setiap kali Ramadan.

Melalui teknologi kecerdasan buatan (AI), analisis sumber untuk pengoptimuman dapat dilakukan berdasarkan data sedia ada, contohnya kuantiti bahan masakan



TEO KOK SEONG



Lindungilah nasionalis bahasa Melayu

4M 25B

KEMARAHAAN seorang guru ekoran kekecewaannya terhadap pelajarannya yang tidak mengetahui bahasa Melayu langsung, bukan sahaja sekadar isu perkauman yang mahu dibesar-besarkan oleh pihak tertentu. Ia sesungguhnya isu kegagalan sebenar proses pembentukan negara bangsa yang perlu ditangani oleh kerajaan.

Sehubungan ini, masalah bahasa ini menjadi sangat parah apabila setelah 68 tahun tertubuhnya negara, didapati sebilangan yang agak besar juga dalam kalangan rakyat yang masih tidak dapat memahami bahasa Melayu langsung. Ini termasuklah bahasa Melayu 'pasar' yang sangat mudah dari segala sisi linguistiknya.

Setelah diselidiki kes begini, didapati kesemuanya adalah lepasan sekolah vernakular. Ini sebenarnya tidak menghairankan langsung. Ini kerana murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) rata-ratanya hanya berjaya menguasai bahasa Cina, walaupun turut diajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Cadangan kerajaan untuk menangani masalah bahasa ini tidak pernah mahu diterima sepenuhnya oleh etnik Cina. Ia merupakan penambahan waktu pendidikan mata pelajaran bahasa Melayu, selain penyeragaman sukatan pelajarannya dengan yang di Sekolah Kebangsaan (SK).

Walaupun masalah bahasa ini adalah permasalahan negara yang genting, ia tidak pernah pun mahu ditangani dengan serius, baik oleh kerajaan mahupun etnik Cina. Kerajaan memang tidak tegas dalam hal ini dan selalu mengalah kepada cara yang dikehendaki etnik Cina.

Dalam hal teguran oleh guru itu, etnik Cina mahu tindakan keras diambil terhadapnya kerana kononnya ia menyinggung perasaan mereka.

Dalam pada ini, langsung tidak ada apa-apa jua rasa kesal daripada etnik Cina tentang masalah bahasa itu. Antaranya pengakuan bersalah dan berjanji untuk memperbaikinya.

Dengan tiadanya rasa kesal ini, kelihatan etnik Cina tidak pun merasainya sebagai sesuatu yang tidak baik. Malah ada sesetengah



KAJIAN mendapati kebanyakan kaum Cina yang gagal berbahasa Melayu dengan baik 'berasal' dari sekolah vernakular. - GAMBAR HIASAN

daripada mereka memberi pelbagai helah untuk mewajarkan keadaan itu. Antaranya ialah negara ini bersifat majmuk yang mengamalkan kepelbagaian. Oleh itu, ia tidak semestinya selalu hanya tentang kehebatan bahasa Melayu. Ia boleh juga tentang pada bahasa Cina dan lain-lain.

Sebenarnya teguran guru itu dalam konteks imigresen dan migran itu ada kebenarannya. Walaupun sudah bergenerasi etnik Cina di negara ini setelah diberikan kerakyatan sewaktu kemerdekaan pada 1957, ramai daripada mereka didapati belum, malah tidak nasional langsung daripada pelbagai segi.

Salah satunya ialah kebolehan berbahasa Melayu. Ia yang langsung tidak diendahkan, sebenarnya hanya memerlukan pengetahuan munasabah yang setara dengan kedudukan sosial mereka sahaja.

SELESAIKAN

Sudah tiba masa yang sebenarnya setelah lama tertangguh untuk kerajaan dan etnik Cina mencari jalan

menyelesaikan permasalahan negara yang serius ini. Ia sangat memalukan kerana tidak ada mana-mana negara berdaulat lain di muka bumi ini, yang rakyatnya tidak boleh langsung berbahasa negara.

Dalam hal ini, kerajaan dan etnik Cina tidak boleh hanya selalu berbincang tentang kemakmuran ekonomi sahaja, khususnya yang akan menguntungkan etnik Cina. Ia wajib juga diimbangi sekali-sekala dengan kemakmuran sosial.

Antaranya ialah jati diri kebangsaan oleh etnik Cina sebagai dukungan mereka kepada identiti nasional untuk negara dan identiti budaya bagi rakyat.

Sehubungan ini, natijahnya ialah apa gunanya Malaysia makmur dari segi ekonomi, sedangkan rakyatnya walaupun segelintir sahaja, didapati sama sekali tidak relevan kepada negara dari segi sosiobudaya.

Dalam hal ini, etnik Cina digesa untuk segera meninggalkan sikap rakus untuk etnisiti sendiri sahaja. Ini yang dilakukan melalui amalan individualisme

untuk hanya mementingkan diri dan etnik sendiri, wajib bertukar. Ia wajib kini menjadi kesediaan untuk bekerjasama dengan etnik lain, khususnya Melayu dalam hal penguasaan bahasa Melayu serta yang lain-lain.

Sehubungan ini, etnik Cina wajib mula menerima bahasa Melayu atas kepentingannya sebagai bahasa negara. Dalam konteks ini, bahasa Melayu wajib dilihat oleh mereka sebagai mempunyai nilai kenegaraan yang tinggi kimahnya.

Dengan ini, bahasa Melayu tidak boleh lagi sesekali dibanding-bandingkan dengan bahasa Cina khususnya dan bahasa Inggeris amnya. Sehubungan ini, tidak dinafikan nilai ekonomi bahasa Melayu adalah tidak setinggi yang ada pada kedua-dua bahasa itu.

Namun bahasa Melayu wajib ikut didakap rapat dan kemas oleh etnik Cina, bersama-sama dengan yang lain atas dasar martabatnya sebagai bahasa negara. Ini bukan sahaja amalan kolektivisme yang sangat diperlukan. Juga ia resam yang terpuji dalam konteks

di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.

Dalam pada ini, etnik Cina wajib tidak lagi mempunyai sikap bersaing antara bahasa. Sehubungan ini, bahasa Melayu tidak boleh lagi dijadikan saingan kepada bahasa Cina. Inilah yang sebenarnya berlaku sebelum ini. Segala perbuatan yang membanding-bandingkan bahasa Melayu dengan kehebatan bahasa Cina, wajib dihentikan.

Tidak adil sama sekali untuk kita mengambil tindakan terhadap mereka yang mahu memartabatkan bahasa Melayu selaku bahasa negara. Walaupun cara mereka mungkin salah dalam keadaan amarah kerana kecewa, guru itu dan yang lain-lain sewajarnya dipuji.

Sebenarnya semua mereka ini adalah nasionalis yang wajib didendangkan.

Dalam pada ini, guru, pegawai imigresen, pegawai polis serta yang lain-lain yang pernah memarahi rakyat kita yang tiada pengetahuan langsung tentang bahasa Melayu, semasa menjalankan tugas masing-masing, wajib disanjung negara.

Sesungguhnya menjalankan tugas nasionalisme ini adalah rumit. Ia bersifat 3D (bahaya, sukar dan kotor). Ia berbahaya kerana boleh disiasat apabila adanya laporan yang mendakwa wujudnya unsur 3R (bangsa, agama dan raja). Ia rumit kerana tidak mudah untuk menyatakan hal jelik kepada pihak terbabit secara bersemuka. Ia kalut kerana adanya perbalahan antara pihak yang menyatakan sesuatu itu dengan pihak yang dinyatakan.

Namun tugas nasionalis wajib dilakukan untuk negara tercinta ini. Dalam hal ini, apabila ada yang sanggup melakukan kerja berisiko, sukar dan cabu ini, jangan pula kita dengan cepat sekali mahu menghukum mereka.

Ini kerana perlakuan mereka itu sebenarnya ada kebenarannya yang absah sekali, iaitu absah seabsah-absahnya. Ia memang dirasakan pedas bagi sesiapa yang makan cabai (cili).

PROFESOR Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong ialah Felo Majlis Profesor Negara (MPN) dan Institut Masa Depan Malaysia (MASA).

BNM isytihar dividen RM5.25 bilion kepada kerajaan, untung RM13.16b

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
nazlina.nadzari@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) membayar dividen sebanyak RM5.25 bilion kepada kerajaan selepas mencatat keuntungan bersih bernilai RM13.16 bilion bagi tahun kewangan 2024, berbanding RM7.16 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.91 bilion telah dipindahkan ke dalam Rizab Risiko BNM.

Seperti yang diaudit dan diperakui oleh Ketua Audit Negara, kedudukan kewangan BNM kekal kukuh pada tahun 2024 dengan aset BNM berjumlah RM621.54 bilion pada 31 Disember 2024.

Gabenor BNM, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour berkata, walaupun ketidakpastian masih wujud pada peringkat global, BNM akan terus melaksanakan mandatnya dengan penuh dedikasi dan mengukuhkan kepercayaan rakyat.

Katanya, kepelbagaian struktur ekonomi negara dan dasar yang meluas menyediakan daya tahan dan ketangkasan untuk mengharungi rintangan ini.

"Kami yakin ekonomi Ma-



ABDUL Rasheed Ghaffour (tengah) bersama Timbalan Gabenor Bank Negara, Jessica Chew Cheng Lian (dua dari kiri), Marzunisham Omar (dua dari kanan), Aznan Abdul Aziz (kiri) dan Adnan Zaylani Mohamad Zahid (kanan) menunjukkan Nota Laporan Tahunan pada sidang akhbar Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

laysia akan kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil dengan tekanan inflasi kekal terkawal secara keseluruhan.

"Dengan jangkaan keadaan dalam negeri yang menggalakkan, Malaysia harus meneruskan usaha pembaharuan struktur yang penting demi memastikan pertumbuhan yang mampan bagi tahun-tahun mendatang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena Laporan

Tahunan 2024 (LT 2024), Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024 (TEM 2024) dan Tinjauan Kestabilan Kewangan bagi Separuh Kedua 2024 (TKK ST2 2024) di Sasana Kijang di sini, semalam.

Abdul Rasheed berkata, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus tahun ini, disokong faktor domestik yang positif meskipun berdepan persekitaran global yang mencabar.

"Persekitaran luaran dijangka

semakin mencabar pada tahun ini berikutan kebangkitan semula tindakan perlindungan, di samping konflik geopolitik yang berlarutan, sekali gus menimbulkan cabaran terhadap Malaysia sebagai ekonomi yang kecil dan terbuka.

"Penguatan permintaan global khususnya akan bergantung pada perkembangan dalam sekatan perdagangan dan langkah tindakan balas yang dikenakan oleh negara ekonomi utama.

"Selain itu, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing dijangka berpurata antara 2.0 hingga 3.5 peratus dan 1.5 hingga 2.5 peratus. Inflasi dijangka menunjukkan trend menaik namun akan kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan," ujarnya.

Menurut beliau, Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.0 peratus kekal menyokong dan konsisten dengan penilaian semasa terhadap prospek inflasi dan BNM akan terus memantau persekitaran ekonomi seperti tarif global dan dasar monetari negara lain.

Ujarnya, pihaknya juga akan memantau langkah-langkah dasar domestik dan bagaimana ia memberi kesan dari segi penilaian, penyertaan dan prospek pertumbuhan.

"Jadi, ini adalah bidang yang kita lihat dari segi keputusan mengenai dasar pasaran. Adakah kadar semasa sebenarnya sesuai menyokong ekonomi.

"Dari segi faktor Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) pula, dasar kita sebenarnya lebih dipacu oleh faktor domestik dan tidak kepada apa yang berlaku di luar sana," katanya.

Transaksi e-pembayaran cecah RM698.1 bilion tahun lalu

KUALA LUMPUR: Nilai transaksi e-pembayaran runcit terpilih pada tahun lalu mencecah RM698.1 bilion, meningkat sebanyak 17 peratus, disokong kerancakan aktiviti penggunaan, kata Bank Negara Malaysia (BNM).

BNM menerusi Laporan Tahunan 2024 berkata, transaksi keseluruhan e-pembayaran meningkat sebanyak 28 peratus kepada 14.7 bilion transaksi tahun lalu berbanding 11.5 bilion transaksi pada tahun sebelumnya.

Menurutnya, perbankan dalam talian kekal paling banyak digunakan dengan peningkatan 24 peratus pada 2024, sementara dari segi saluran, bahagian perbankan mudah alih mencatatkan 62 peratus, lebih tinggi daripada perbankan internet.

"E-pembayaran kedua paling banyak digunakan ialah transaksi e-wang yang meningkat sebanyak 25 peratus pada 2024 berbanding 26 peratus sebelum ini, dengan sebanyak 64 peratus daripada transaksi itu dikaitkan dengan dompet elektronik (e-dompet), dengan baki kepada e-wang berasaskan kad.

"Kad pembayaran merupakan kaedah e-pembayaran ketiga paling banyak digunakan dengan peningkatan transaksi sebanyak 20 peratus pada 2024, kad debit menyumbang 68 peratus daripada jumlah transaksi kad pembayaran dan penggunaan kad debit meningkat dua kali lebih cepat berbanding kad kredit (24 peratus berbanding 12 peratus)," kata bank pusat.



E-pembayaran kedua paling banyak digunakan ialah transaksi e-wang yang meningkat sebanyak 25 peratus pada 2024 berbanding 26 peratus sebelum ini."

BNM berkata, transaksi kad tanpa sentuh terus meningkat disebabkan oleh kelajuan dan kemudahannya, membentuk 83 peratus daripada urus niaga kad

pembayaran di premis fizikal sepanjang tahun.

Pertumbuhan itu disokong oleh penggunaan yang semakin meningkat dalam penggunaan dompet mudah alih di Malaysia seperti Apple Pay, Google Pay dan Samsung Pay serta pengembangan sistem pembayaran tol terbuka di lebih banyak lebuh raya.

Penerimaan transaksi e-pembayaran terus mendapat perhatian dalam kalangan perniagaan terutamanya perusahaan bersaiz lebih kecil dengan penggunaan QR DuitNow terus meningkat memandangkan kemudahannya, kos yang lebih rendah dan liputan yang luas.

Sementara itu, BNM berkata, jumlah hutang terkumpul skim beli sekarang bayar kemudian (BNPL) kekal sebagai seba-

gian kecil daripada keseluruhan hutang isi rumah iaitu sebanyak RM2.8 bilion atau 0.2 peratus daripada jumlah hutang isi rumah setakat Disember 2024.

Menurutnya, jumlah pembelian menerusi BNPL menunjukkan peningkatan dari segi jumlah transaksi dan nilai, masing-masing kepada 83.8 juta transaksi dan RM7.1 bilion pada tempoh berkenaan.

"Setakat akhir Disember 2024, bilangan pengguna aktif mencecah 5.1 juta berbanding 4.3 juta pada Jun tahun lalu, namun risiko yang berkaitan dengan BNPL kekal terkawal.

"Tahap jumlah tertunggak BNPL kekal rendah pada 2.9 peratus daripada jumlah baki terkumpul BNPL dalam tempoh terabit, berbanding 2.6 peratus pada Jun 2024," kata BNM.

Timely financial aid boosts Aidilfitri preparations for civil servants

KUALA LUMPUR: Financial aid provided through the second phase of the Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and the Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) is helping Malaysians prepare for Hari Raya celebrations.

The funds have allowed recipients to buy essential cooking ingredients, festive cookies and cover travel costs for the holiday period.

Pasar Dato Keramat traffic warden Mohd Azlan Ahmad, 61, said the STR payment helped ease the cost of buying essential items

for his family.

Hisham Rahim, 28, said the STR money would enable him to purchase better quality cookies and snacks for visitors.

"We had not bought any yet because we were waiting for our salaries, so this aid came just in time."

The government began distributing STR Phase Two payments yesterday, allocating RM1.7 billion compared with RM1.5 billion last year.

About 8.5 million recipients, making up 60% of the adult population, will receive up to RM650 each, Bernama reported.

Civil servant Mohd Fadhli Jobli, 38, said the BKKA payment would help him fund his journey home to Samarahan in Sarawak.

"I thought there would be no more financial aid for civil servants since the government announced a salary hike and special assistance last month. This support is a big relief."

On social media, Khairul Nizam shared that

this year's financial aid has been the most substantial he has received in his 26 years as a civil servant.

"This year has been exceptional, with a salary increase and two rounds of financial aid in February and March."

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim recently announced the government would provide BKKA payments of RM500 for civil servants in Grade 56 and below and RM250 for pensioners, with payments due this week.

THE SUN

Tarikh: 25 MAR 2025